

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4. BIL. 21.

BANDAR BRUNEI, RABU, 21 OCTOBER, 1959 (19 Rabiakhir, 1379)

PERCHUMA

MAJLIS UNTOK MENGGAKI HUKUM UGAMA

Tujuan—Memberi kebebasan menimbangkan hukum2 ugama

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia telah menyeru ahli2 Majlis Shariah Brunei supaya bersama membincangkan perkara2 yang mengenai hukum2 ugama untok memperbaiki perjakanan ugama di-negeri ini.

Seruan itu telah di-buat oleh baginda pada masa membuka persidangan pertama majlis tersebut di-Lapau Diraja di-sini pada 15 October ini.

Majlis itu telah di-tubuhkan untok mensesuaikan perubahan pemerintahan negeri sa-lepas berjalan kuatkuasa perlembagaan baharu.

Duli Yang Maha Mulia yang dahulu-nya menjadi pengerusi Majlis Shariah yang telah di-bubarkan itu tidak lagi menjadi pengerusi majlis yang baharu di-tubuhkan itu

lia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh, Kadhi Besar Brunei.

Tetapi baginda telah menegaskan: "Majlis Shariah ini akan mempunyai sa-orang Speaker yang khas yang akan di-lantek dalam sadikit masa lagi.

KEPERCHAYAAN KARUT GANGGU RANCHANGAN PERUBATAN

BANDAR BRUNEI. — Tuan Westlake, sa-orang doktor belah dari Australia yang telah melawat Brunei sa-lama enam minggu lepas telah berkata bahawa keperchayaan karut hendaklah di-atasi supaya bantuan perubahan dapat di-beri dengan sa-chukup-nya kepada orang2 yang menghidap penyakit berjangkit saperti batok kering.

Beliau berkata bahawa ramai orang di-sini takut atau waswas mendermakan darah untok kepentingan urusan pembelahan. Ini ia-lah orang2 itu mempunyai keperchayaan yang karut.

Tuan Westlake berkata demikian sa-belum berangkat balek ka-Australia sa-telah menjalankan pembelahan ka-atas beberapa orang yang menghidap penyakit batok kering di-rumah sakit besar di-sini.

Beliau datang ka-sini dengan satu rombongan doktor belah Australian yang di-ketuai oleh Tuan C.J. Officer Brown.

Keperchayaan karut itu boleh di-hapuskan dengan pelajaran dan ranchangan membasmi buta huruf dan penerangan. "Dengan jalan ini dapat-lah mereka itu di-beri ubat dan juga di-belah

"Tujuan saya berbuat demikian ia-lah sa-lain dari mengikut jijak memberi kebebasan ahli2 negeri, maka ada-lah juga dengan sebab saya mempunyai penoh keperchayaan kepada ahli2 majlis membincangkan semua perkara2 yang mengenai hukum2 ugama supaya memberi pertimbangan dan keputusan2 yang adil dan bijaksana."

Dalam perbincangan yang akan di-jalankan dalam majlis itu baginda berharap agar ahli2 majlis menggunakan hujjah dan taklid kerana kebaikan ugama.

Sa-lanjut baginda berkata bahawa hukum2 ugama itu luas dan dalam.

"Hukum2 itu tidak-lah dapat di-bandingi oleh apa2 jua undang2, peratoran dan lain2 yang di-buat atau di-karang oleh manusia," kata baginda.

jika mustahak," kata Tuan Westlake.

Tuan Westlake berkata lagi bahawa chara membelah pada masa ini ada-lah lebeh baik dari beberapa tahun dahulu dan hasilnya sangat memuaskan.

Majlis pemuda pemudi dapat derma semua bangsa

BANDAR BRUNEI — Tabong wang Majlis Pemuda Pemudi Brunei yang baharu di-tubuhkan itu akan bertambah lebeh \$2,400 dalam sadikit masa lagi.

Wang ini akan di-dermakan oleh jawatan kuasa sandiwara semua bangsa yang telah menjual teket dan ilan dalam buku ranchangan sandiwara tersebut.

Sandiwara itu di-adakan di-dewan Civic Centre di-sini dalam bulan April lepas.

Dari wang jualan teket itu \$250 sudah pun didermakan kepada majlis itu untok kegunaan pemuda pemudi Daerah Belait.

Sandiwara itu di-anjorkan bersama oleh Pejabat Penerangan dan Radio Brunei. Biduan dan biduwanita dari seluruh negeri telah mengambil bahagian.

Pegawai kanan Pejabat Kerja Raya di-denda atas 2 tuduhan

KUALA BELAIT — Sa-orang pegawai kanan Pejabat Kerja Raya Brunei, John Albert Rolph telah di-hukum denda \$2,000 jika tidak di-bayar di-penjara 3 bulan sa-telah di-dapati salah atas dua tuduhan mendapatkan dua buah kerta dengan tidak cukup bayaran.

Hukuman itu telah di-jatuhkan oleh Magistrate Brunei, Tuan R.G.P.N. Combe yang telah membicarakan Rolph di-mahkamah di-sini pada hari Juma'at lepas.

Dalam keterangan pehak pendawa Rolph di-katakan telah menerima daripada sharikat Borneo Motors sa-buah kereta Vauxhall Cresta pada 24 July tahun ini dengan harga \$6,600.50 pada hal kereta itu berharga \$8,690.


Pada 4 September pula Rolph telah membeli sa-buah kereta Vauxhall Cresta lagi berharga \$8,550 dari sharikat tersebut. Kali ini di-pulangkan-nya kereta yang di-beli-nya dalam bulan July itu dengan taksiran harga \$6,800.

Rolph berumur 57 telah masok bekerja sa-bagai mechanical engineer di-Pejabat Kerja Raya dalam bulan June, 1955.

Ia telah mengaku salah atas kedua tuduhan itu.

Tatkala menjatuhkan hukuman Tuan Combe berkata :

"Perkara itu sangat berat tetapi oleh sebab ini ia-lah kesalahan Rolph yang pertama, denda-nya ia-lah \$1,500 atas tuduhan pertama \$500 atas tuduhan kedua, dan jika tidak di-bayar di-penjara sa-lama tiga bulan."



Y.A.M. Pengiran Shahbandar

Majlis itu di-pengerusikan oleh sa-orang ahli yang di-lantek oleh baginda, ia-itu Yang Amat Mu-

Jadual pos

BANDAR BRUNEI — Masa menerima surat udara dan laut di-Pejabat Pos Bandar Brunei telah di-ubah semenjak 10 October saperti berikut:

Surat2 melalui pos udara ka-Seria dan Kuala Belait: Ithnin, 3 petang, Thalatha 2 petang, Rabu 3 petang, Khamis 2 petang, Juma'at 9 pagi, Sabtu 12.30 tengah har.

Ikrar setia penduduk2 Daerah Tutong

"KAMI AKAN BEKERJA SAMA DAN MENEGOR DENGAN IKHLAS"

TUTONG. — Sa-ramai 21 orang wakil penduduk2 Daerah Tutong telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana, Bandar Brunei pada 14 October ini kerana mengucapkan tahniah kepada baginda atas kemurahan baginda mengurniakan perlembagaan Negeri Brunei.

Wakil2 itu terdiri dari 5 orang penguhulu, ketua2 kampung dan Imam2 dan telah di-ketuai oleh Tuan Haji Abu Bakar bin Jambul, Dato Haji Mohamed Yusof dan Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar.

Mereka telah menyembahkan ucapan ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia dan atas nama penduduk2 daerah tersebut akan bekerja sama bagi kemajuan negeri pada sa-tiap masa.



Tuan Haji Abu Bakar

Rombongan tersebut telah juga mengucapkan tahniah atas kebijaksanaan baginda memilih bekas Setiausaha Sulit baginda, Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar menjadi Menteri Besar

Temburong rayakan hari jadi

TEMBURONG — Penduduk2 Temburong telah merayakan sa-chara besar2an hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia sa-lama tiga hari berturut2 sa-hingga 18 haribulan ini.

Hari keputeraan baginda jatuh pada 23 September lepas.

Antara chara sambutan perayaan itu ia-lah peraduan membacha Koran, lumba darat dan lumba ayer.

JUALAN BENDERA KEBANGSAAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Bendera kebangsaan Negeri Brunei untuk kegunaan ra'ayat sedang di-jual oleh kerajaan dengan harga \$4 sa-helai.

Jumlah bendera yang telah dipesan ia-lah 10,000 helai dan 1,500 helai telah di-jual sa-be-

dan Inche Wan Ahmad bin Umar menjadi Setiausaha Kerajaan yang pertama.

Sa-orang juruchakap rombongan itu berkata bahawa penduduk2 Tutong akan bersedia menegor dengan ikhlas bagi menjayakan tanggung jawab Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan untuk faedah negeri.

Juruchakap itu berkata lagi bahawa penduduk2 Daerah Tutong telah menyembahkan harapan mereka supaya Pengiran Haji Abu Bakar Pegawai Daerah Tutong kekal berkhidmat di-daerah itu.

"Pengiran Haji Abu Bakar," kata juruchakap itu telah memimpin penduduk2 Tutong dengan baik semenjak beberapa tahun yang

Pegawai2 Pejabat Marine ra'ikan rakan2 yang mendapat pingat

BANDAR BRUNEI — Pegawai2 Pejabat Marine Brunei telah mengadakan satu majlis jamuan di-bangunan Kastam baharu2 ini kerana mengucapkan tahniah kepada 5 orang rakan sa-jawat mereka yang telah di-anugerahi pingat lama berkhidmat oleh Duli Yang Maha Mulia.

Majlis itu juga di-adakan kerana mengucapkan selamat bersara kepada dua orang anggota pejabat tersebut dan mengucapkan selamat bertukar kepada sa-orang anggota lagi.

Majlis itu di-pimpin oleh Pengiran Shahbudin bin Pengiran Kamaluddin. Antara tetamu ia-lah Inche Jamil bin Pehin Udana Khatib Umar.

Pegawai yang di-raikan itu ia-lah, Inche Johari bin Abdul Razak, Inche Awang bin Dollah, Pengiran Mohamed bin Pengiran

lum pemashhoran perlembagaan pada 29 September lepas.

Bendera2 itu boleh di-beli dari pejabat Pegawai2 Daerah.

Bendera2 Pehin dan Pengiran pula boleh di-beli dari Pejabat2 Tanah.

Penjara kerana menchuri seluar

SERIA. — Sa-pasang seluar uniform polis yang sepatutnya di-pakai oleh sa-orang ahli polis negeri Brunei di-istiadat perbarisan di-Bandar Brunei kerana menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan telah terlihat di-pakai oleh sa-orang Indian yang berumur 61 tahun di-kawasan bandar di-sini.

Hal ini telah membawa Dollah B. Sammy ka-mahkamah atas tuduhan menchuri seluar itu di-bawah undang2 section 380 Penal Code.

Ia-nya telah di-hukum penjara sa-minggu kerja berat. Mahkamah telah diberitahu bahawa 24 pasang seluar hijau istiadat telah di-hantar ka-kedai dobi sa-belum perbarisan di-adakan di-Bandar Brunei kerana menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

KEJAYAAN PENUNTUT2 SOAS

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai 28 orang penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College di-sini telah lulus dalam peperiksaan General Certificates of Education (Perengkat biasa).

Penuntut2 yang lulus itu ia-lah:—Abdullah bin Md. Ja'afar, Ak. Omar bin Pg. Limbang, Ak. Sani bin Pg. Ahmad, Basir bin Salleh, Chong Kow Tze, Donald Gin Thau Lok, Gerard S.S. Hu, Ghafar bin Lamat, Hussein bin Mohamed, Job Lim, Kassim bin Daud, Lau Chong Foon, Lim Eng Ming, Leong Seong Cheong, Mahmud bin Bakir, Md. Ali bin Bakar, Vincent Khoo, William Hottinger, Yapp Kai San, Zaili bin Md. Yusof, Zakaria bin Jeneh, Miss Juliana Khoo, Miss Lim Ai Fang, Miss Lim Ai Wah, Miss Lim Siok Tin, Miss Paula Chen dan Miss Zahara binte Idris. Sa-orang penuntut luar, Yee Chao Lin telah lulus juga.

Di-United Kingdom G.C.E. pada tingkatan tinggi ia-lah peperiksaan untuk masuk universiti yang menggantikan peperiksaan Senior Cambridge.

Pada tingkatan biasa, kelulusan G.C.E. ini bersamaan dengan kelulusan Senior Cambridge yang akan di-ambil oleh penuntut2 S.O.A.S. yang berjaya itu.

Sa-jumlah 13 daripada 14 orang penuntut2 S.O.A.S. telah juga lulus peperiksaan City and Guild dalam kira2. Ini bersamaan dengan kelulusan G.C.E.

Peperiksaan G.C.E. dan Senior Cambridge akan di-satukan dalam peperiksaan yang akan di-adakan dalam bulan December tahun ini.

Hashim, Pengiran Ahmad bin Pengiran Akop dan Inche Chuchu bin Bakar, semua-nva telah mendapat pingat lama bekerja, Pengiran Mohamed dan Inche Chuchu (bersara) dan Pengiran Tuah bin Pengiran Mohamed Daud (bertukar pejabat).



Pegawai2 Jabatan Marine Negeri Brunei yang telah mendapat pingat2 perkhidmatan lama, yang telah bersara dan pegawai yang bertukar ka-lain pejabat telah di-raikan oleh anggota2 jabatan itu baharu2 ini.

Dari kiri Pengiran Mohamed bin Pengiran Hashim, Inche Chuchu bin Bakar, Pengiran Ahmad bin Pengiran Akop, Inche Johari bin Abdul Razak dan Inche Awang bin Dollah dan Pengiran Tuah bin Pengiran Mohamed Daud..

ROMBONGAN KESIHATAN INI TIDAK MENDAPAT SAMBUTAN MERIAH LAGI

Kedatangan ta' di-sambut bukan-nya kerana ta' berjaya tetapi kerana kejayaan

BANDAR BRUNEI — Satu rombongan kesihatan yang tidak beberapa tahun dahulu di-tung-gu2 kedatangan-nya sekarang ini tidak lagi mendapat sambutan meriah daripada penduduk2 kampung di-negeri ini.

Rombongan kesihatan itu di-tugaskan membersehhkan rumah2 kampung dengan memanchutkan ubat pembunuh nyamok supaya penduduk2 negeri ini terselamat dari penyakit demam kepialu.

"Perubahan sambutan itu telah berjalan semenjak sa-tahun dua ini. Orang2 kampung tidak berapa gembira lagi menyambut kedatangan rombongan kesihatan itu," kata sa-orang juruchakap Pejabat Kesihatan Negeri Brunei.

MEMBAWA PERUBAHAN

Sebab besar yang membawa perubahan itu bukan-nya kerana rombongan itu tidak berjaya tetapi ia-lah kerana kejayaan yang telah di-dapati semenjak gerakan membersehh itu di-jalankan dalam tahun 1953.

Dalam tahun itu lebeh 3000 orang di-dapati menghidap penyakit demam kepialu yang di-sebabkan oleh nyamok.

Kejadian penyakit itu telah bertambah kurang dari sa-tahun ka-satahun sa-telah rumah2 kampung di-bersehhkan oleh rombongan kesihatan tersebut.

"Dalam tahun lepas 41 orang di-dapati menghidap penyakit demam kepialu dan dalam tahun ini sa-hingga hujung bulan September 31 orang sahaja menghidap penyakit itu."

Antara 31 orang itu 8 di-dapati di-Kampung Majawa dan 16 orang di-Kampung Betong.

MENGANGGU SAHAJA

"Nyata-lah dari angka2 ini bahawa orang2 kampung berfikir rombongan itu hanya-lah menganggu sahaja datang membersehhkan rumah2 yang penduduk2-nya tidak menghidap penyakit demam kepialu lagi," kata juruchakap itu.

Kerana sa-belum ubat itu di-panchutkan dinding dan lantai hendak-lah di-bersehhkan dan gambar2 yang bergantong pada dinding di-turunkan supaya ubat itu rata kena-nya pada dinding.

Orang2 kampung juga di-nasihatkan membersehhkan kawasan rumah mereka dan tempurong dan tin2 yang boleh menakong ayer di-tanamkan.

Sa-lain dari membersehhkan rumah2, rombongan itu juga menggunakan chara2 lain untuk memberantas kejadian penyakit demam kepialu di-negeri ini.

Penyakit itu di-katakan sangat banyak membunuh penduduk2 negeri ini sa-belum gerakan membersehhkan itu di-lancharkan.

UBAT CHAMPORAN DDT

Untuk membersehhkan rumah ubat champoran DDT ada-lah di-gunakan. Champoran itu di-panchutkan ka-dinding dan lantai dan akan membunuh nyamok2 yang hinggap di-situ.

Kawasan di-sakeliling rumah itu pula, jika di-tumboh oleh belukar, di-kenakan dengan samacham ubat asap yang membunuh nyamok juga.

Nyamok sangat lekas membiak di-tempat2 yang lembab dan bertakong ayer-nya. Ia juga suka akan tempat2 yang semak.

Tempat2 yang demikian itu ada-lah di-bersehhkan dengan berbagai2 jalan ia-itu membena parit dan tali ayer, membersehhkan semak dan memanchutkan minyak.

Parit dan tali ayer itu di-bena supaya ayer yang bertakong di-kawasan itu mengalir dan nyamok tidak dapat bertelor lagi di-situ.

MEMBUNOH JENTIK2

Minyak yang di-panchutkan ka-dalam ayer yang bertakong itu ia-lah untuk membunuh jentik2 atau anak nyamok.

Kerana hendak mengetahui sama ada sa-saorang itu menghidap penyakit demam kepialu rombongan itu juga mengambil sedikit darah orang2 kampung dengan di-suntek dari jari dan kemudian-nya di-pereksa di-pejabat makmal rumah sakit.

Orang2 kampung ada-lah juga di-bantu oleh Pejabat Kesihatan membuat perigi dalam yang bertutup dan tidak memberi peluang kepada nyamok bertelor.

Sa-bahagian daripada perbelanjaan membuat perigi itu di-tanggung oleh pejabat tersebut.

Sungguh pun orang2 kampung tidak lagi menyambut kedatangan rombongan itu dengan meriah saperti dahulu tetapi Pejabat Kesihatan Brunei berazam meneruskan gerakan itu.

Tujuan-nya ia-lah supaya penyakit demam kepialu itu hapus langsung di-negeri ini.


"Kami tidak mahu lagi penyakit itu bermaharaja lela dan menjadi pembunuh yang besar" kata juruchakap itu.





Suatu parit semen telah di-bena di-sabuh ladang getah dekat Bandar Brunei supaya ayer yang bertakong di-situ dapat mengalir.



Kiri : Ahli rombongan itu menchampur ubat DDT sa-belum di-panchutkan ka-dinding dan lantai rumah2 kampung untuk membunuh nyamok2 yang hinggap di-situ. Kanan : Sa-orang ahli rombongan kesihatan itu kelihatan sedang memanchutkan ubat DDT di-salah sebuah rumah kampung di-negeri ini.



Kiri : Pejabat Kesihatan Brunei membantu orang2 kampung membena telaga yang bertutup supaya nyamok tidak dapat bertelor di-dalam-nya. Kanan : Suatu parit telah di-gali di-kawasan yang lembab. Parit itu akan di-semen supaya perjalanan ayer tidak tergendala.



Kiri : Gambar2 dan barang2 yang di-gantong di-dinding di-turunkan sa-belum ubat DDT di-panchutkan. Di-sini ahli2 rombongan itu kelihatan menggantung sa-mula gambar2 yang telah mereka turunkan. Kanan : Untuk mengetahui sama ada penduduk2 kampung menghidap penyakit demam kepialu sedikit darah di-suntek dari jari untuk di-pereksa di-rumah sakit.

AYER MATA DI-LANDA LARA — 3 — PENGEMIS

Inche Moksin bin Abdul Kadir telah mendapat hadiah pertama dalam peraduan mengarang cerita pendek pada masa menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia pada 23 September yang lalu.

Tajok cerita-nya "Ayer Mata Di-landa Lara" itu mengisahkan nasib tiga orang yang akhirnya menjadi pengemis di-sabuh bandar.

Inche Moksin berumur 22 tahun ia-lah sa-orang penuntut tahun ketiga di-Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei dan telah mendapat pelajaran Melayu di-sekolah Melayu Tanjong Maya, Tutong.

Sa-belum memasoki maktab latehan itu beliau telah menjadi guru pelatih di-sekolah Melayu Labi sa-lama sa-tahun dan di-sekolah Melayu Seria sa-lama dua tahun.

Di-bawah ini ia-lah bahagian pertama cerita tersebut. Bahagian kedua dan akhir akan disiarkan dalam keluaran "Pelita Brunei" yang akan datang.

Mata masing2 berpinar dengan liar dan terdugul sendiri2 ta' sapatah chakap pun keluar dari mulut mereka. Sedang nyanyian kelbu bisa berlari bebas dan pergi di-mana suka-nya bukan seperti tubuh mereka terdugul termangu2 menunggu takdir sahaja dan binatang chelaka nyamok suka berluasa datang menerbus membintil2 pada daging yang kendur dan puchat itu.

Tapi tangan hanya bisa mengibas kosong sahaja memburu tidak tentu arah. Dia tau dengan sendiri-nya binatang sial itu datang menyedut rakus. Rakus seperti perut-nya yang lapar itu perlu minta isikan makanan saban hari.

Ia marah pada nyamok rakus lapar itu dan ia insaf bukan-kah dia sendiri pun sial macham nyamok juga.

Tiga manusia yang hidup dibalek bangkai yang bernyawa itu masing2 menyandarkan badan-nya mengupil ka-dinding tembok pagar gedong itu minta perlindungan embun betina yang garang terjunam.

Lampau benderang di-jalan dekat mereka tetapi bukan untuk mereka chuma untuk menerangi tembok2 batu yang kaku itu dan bikin chan-tek gedong gagag itu.

Kemudian terdengar mereka berkata: "Kawan, tadi ramai betul orang, bukan?" "Ya, ramai sangat," kata orang yang berbadan pendek itu mengiakan dengan rupa ta' achoh dan suara-nya mati di-situ sahaja.

Empat mata kawan-nya itu mendebock pada kawan-nya yang berchakap itu seperti mata nyamok tajam na' merempok kegechoran ayer lior.

"Masa ini kita bisa dapat rezki hari labaran, makanan inak, orang2 banyak yang sudi mengulorkan sa-barang apa untuk pengalas perut." Ia diam, mafas-nya turun naik agak lega hati-nya dengan cerita-nya dan memberi nafas untuk hidup-nya serta hidup mereka bertiga.

"Kawan berasal dari mana?" Tiba2 pertanyaan-nya berputar ka-lain pula, mata-nya terkelip2 menanti jawapan dari orang yang berbadan pendek itu.

"Dari Kelantan, orang Kelantan."

"Orang Kelantan?" Sela sa-orang dari mereka yang dari tadi diam2 sahaja menyaksikan perbualan mereka berdua. Ia ingin tahu juga dan ambil simpati orang dari Kelantan. Mungkin hati-nya ter-

tarek nama Kelantan atau pun orang Kelantan itu bila bersua selalu-nya peramah orang-nya dengan sa-siapa sahaja, atau mungkin ke-kasih-nya ada di-sana dahulu.

"Ya, orang Kelantan, nama saya Munib."

"Nama saudara Munib?" Ulang orang itu lagi sa-olah2 ta' perchaya, tetapi pertanyaan-nya itu hanya ingin bertanya sahaja. "Sudah lama meninggalkan negeri, aku ta' ingat lagi...."

Dengan ta' di-pinta ia menceritakan kesah diri-nya, tetapi ia sendiri mau menceritakan-nya, biar orang tahu perkara itu, perkara yang maseh mendempil2 di-lubok ingatan-nya.

Cerita kenikmatan hidup-nya yang telah di-lalui-tetapi sudah hilang dan ta' ada lagi, maka itu-lah ia mau habis2 menceritakan-nya, yang pernah di-alaminya dahulu. Ia berkata:

"Aku punya bini dan anak serta kampong halaman sendiri," Ia berhenti, sedang mata-nya mengawasi pada kawan-nya itu. "Kawan tau betapa bahagia rasa-nya punya rumah tangga dan anak yang di-kasehi, bukan?"

Orang itu menganggok dan lantas bertanya, "Di-mana bini dan anak saudara sekarang?"

Lama2 baharu ia dapat melahirkan suara-nya tertekan2 sahaja bunyi-nya berkata. "Ta' bisa di-kenangkan!" keloh-nya, "Saya telah berpisah dan tersisih dari mereka, entah di-mana mereka aku ta' perlu ambil tahun lagi" sambong-nya dengan suara yang beralunan sedih.

"Bagitu, macham mana boleh saudara sampai berkeadaan bagini.....?" Tanya satu suara lagi ingin menchamponi dan tertarek hati dengan cerita itu, ingin tahu, "Ah....saudara," Ia menggilingkan kepala-nya dan menundok berkata: "Aku benchi bercherita, aku benchi pada perempuan, perempuan macham itu."

"Apa saudara benchi pada perempuan....?"

"Ya, aku benchi," kata-nya dengan tegas. Kemudian berkata: "Betapa tidak, kebahagiaan telah tercipta di-sabuh rumah tangga, nah! Lantaran perempuan itu-lah sudah lesap terasor hanyut dan hilang bagitu sahaja. Chuba-lah saudara fikir." Kata-nya agak geram marah dan minta pertimbangan.

Mereka tau menyebabkan chinta dan chinta yang molok molek itu tetapi bila tiba di-pengharongan di-lautan hidup, segala2-nya itu sudah hilang lesap bagitu sahaja, mereka ta' sanggup dengan kepinchangan2 itu buat bersama untuk menempohi-nya.

Ia berhenti di-situ dan menarek nafas-nya lalu berkata, "Kala itu-lah perempuan sial itu sudah chabut dan lari liar chari laki baru yang punya kemewahan hidup atau jantan2 yang bersiul2 di-tipi jalan dan biasa melagak dengan pakaian lichin2 tetapi ta' punya tanggung jawab!"


"Bagitu-lah bini saya itu telah berpindah pada sa-orang jajaka hartawan yang punya perusahaan kain di-Kelantan." Kata-nya, "Perempuan biasa lari dari rumah tangga, gadis2 biasa chari laki sendiri2 di-mana ia suka, (malah kalau suka buat dulu macham monyit). Baru lahir erti kata chinta dan terus kawin dan kawin, kawin lagi."

Ia diam, suara-nya lantang mengorok. "Sejak itu-lah saudara," Kata-nya, "Kehilangan bini dan anak yang ku-kasehi; aku ta' boleh buat apa2 dan aku di-buru dari tempat itu, ah, aku terpaksa tersisih dari samping mereka dengan

ta'ada pergantungan hidup, pemertalahan pula akan ta'larat buat apa kerja, maka ini-lah akhir-nya hingga jadi bagini, jadi pengemis seperti kita ini."

Ia menghabiskan cerita-nya, mata-nya di-pejamkan-nya dengan paksa, agak menahan2kan ayer mata kesedehan-nya ingatan-nya yang datang meluap2 itu.

"Saudara dari mana pula?" tiba2 terlompat dari mulut-nya akan pertanyaan itu pada sa-orang yang chachat kaki-nya, sa-olah perbualan mereka telah kehabisan modal dan terhenti bagitu sahaja.



Inche Moksin bin A. Kadir.

Orang itu chepat2 tergisor2 dudok-nya berupa murong dan berkata. "Dari Kedah."

"Saudara siapa nama?" tanya lagi kawan-nya itu dengan ta'sabar. "Hardi." Jawab-nya pendek, dan muka-nya diangkat-nya berkata. "Dulu saya berasal dari Kedah."

"Jadi saudara orang Kedah-lah?" "Sa-benar-nya saudara." Kata-nya dengan rupa putus asa, "Dulu punya sawah ladang sendiri pusaka dari orang tuaku; saya keluaraga dari kaum tani saudara!" kata-nya lagi, mata-nya terkedip2 seperti mata chichak kena lumpur pekat.

Penderitaan batin-nya nampak penanggungan-nya pada tubuh-nya tinggal lengsing tergigir2 macham akar lalang kena kemarau layak-nya.

"O, saudara kaum tani Kedah, bukan,"

"Jadi macham mana saudara tinggalkan?" soal kawan-nya itu dengan bemafas. "Saudara mau tahu juga?"

"Ya, tentu sa-kali, mengapa?"

"Ah sudah habis saudara," dan mata-nya mengesap2 ka-muka kawan-nya itu, berkata lagi:

"Sejak ayahku meninggal, harta kepunyaan itu turut habis tergadai pada orang yang membimbangkan hidup ayah dan aku, orang itulah yang menghidupkan kami; kami makan dan mau makan akhir-nya itulah kesemua-nya berpindah pada orang itu.

"Aku bodah bukan manusia, saudara?" kata-nya kesal dan mengutok. Kawan-nya itu mengepitkan kepala-nya yang jungus tumus itu dengan kedua-dua belah lutut-nya ia berupa ta'achoh tapi ia insaf akan hal itu.

Tanah ladang yang sa-rupa itu ada-lah umpama nyawa bercherai dari jasad, betapa tidak saudara! Kata-nya bersemangat. "Lihat-lah keadaan ku sekarang ini sa-telah berpisah dengan bidang lungkok yang memberikan kebahagiaan itu."

"Memang sudah nasib saudara." Kawan-nya menela kosong dan menghina. "Dan sekarang saudara," kawan-nya itu menyambong lagi, "Tanah yang sa-rupa itu ta' bisa di-peroleh lagi, sa-kali pun negeri kita na mereka maseh tebal belum terbuka dan maseh hijau, namun luku keringat asin yang bersangkutan!"

Ia diam, nafas-nya kembong

kempis pada dada badan-nya yang kerepeng itu. Kemudian ia marah2 pada pehak yang bersangkut dan habis2 di-sapu-nya dengan leteran dari kedua bibir-nya untuk meregah2kan mereka, pegawai2 dalam pejabat dan siapa sahaja yang bersifat demikian. Ia berkata ta'di-suroh dan di-minta untuk membela Hardi kawan-nya yang malang itu, tetapi ia ta'tahu buat bagitu, entah apa sebab-nya Ia marah kosong membela kosong.

"Saudara mengerti dan pernah, bukan?" kata-nya menarek perhatian. "Pada mereka itu kalau kita perlu itu dan ini di-pejabat mereka, ah....kita itu lidah bisa berdaleh dolak, akhir-nya kita terbuntang banting ka-sana ka-mari.

Mereka bisa sebut besok senang, nanti besok, besok sahaja, besok dan besok lagi, sa-ribu kali besok!" suara-nya mati di-situ dan kemudian berkata lagi, "Hee....payah manusia yang hidup sa-rupa tani, buroh dan siapa sahaja," kata-nya menarek nafas penyesalan yang panjang.

"Saudara lebeh aneh lagi di-zaman kebangunan ini," Hardi menela. "Pegawai2 seperti itu kalau kita bisa gumbulkan dengan sogokan wang bisa lenyap kelimah bisok itu, lenyap dari kuping telinga kita; mereka tersenyum senang atau ketawa terbingkel-bingkel seperti itek tua yang menyedut longkang kotor."

Hardi diam, mata-nya terlolok di-pinar2 chahaya lampu malam.

Munib diam terfekor menghening insaf, tapi diri-nya sendiri pun kutuk juga, badan-nya tergepil2 digitigit nyamok. Kemudian, Hardi berkata pelan. "Mereka hisap darah seperti kita ini, mereka ta' punya kejujuran, mereka macham binatang nyamok juga tapi bisa di-hempas di-bunoh sahaja dan tingkalah nyamok ta'kan sedut darah nyamok!"

Suara-nya tertekan di-situ, kemudian berkata, "Dan aku ini-lah mangsa-nya apabila segala ladang telah terkikis lesap, aku terpaksa masuk jadi pasokan gorela kerana ta'ada harapan lain lagi, saudara," kata-nya, "Tambahlah pula kala itu tanah ayer minta pengerubanan." Sambong-nya, sa-sudah puas meranyah dan mengutokkan pada pegawai2 pejabat yang ta'jujur itu.

"Saudara pernah jadi gorela-kah?"

"Ya, aku jadi gorela dan tentera Jepun dan aku jadi pembunoh pembunoh manusia yang sa-rupa aku juga. Aku hidup untuk membunoh dan membunoh manusia yang maseh mahu hidup lagi.

"Aku benchi jadi pembunoh itu tetapi aku terpaksa jadi alat pembunoh yang kejam!" Hardi diam, pada ayer muka-nya nampak di-rebungi sedih dan kesal. "Tetapi....perang bikin aku jadi demikian." Kata Hardi menjelaskan penyesalan-nya yang sahaja di-lahirkan-nya bukan untuk kawan-nya sahaja, malah ada-lah untuk hidup dan untuk alam serta siapa sahaja yang ingin tahu.

"Perang tidak kenalkan nyawa, tapi perang senghaja di-chiptakan manusia yang menginginkan-nya sahaja. Kala itu-lah saudara." Kata-nya mengadapkan ketegasan-nya.

"Aku jadi korban-nya kakiku bercherai dari kelengkapan anggotaku oleh senjata chelaka itu. Perang bererti pembunohan dan manusia buta macham peluru yang senghaja di-hamborkan dengan semau-mau-nya guna membunoh siapa sahaja, ta' kira nyawa melayang, nyawa murah sa-harga semut.

"Peluru bisa di-bikin di-pabrik2 macham pegawai2 bisa sebut dengan sawinang-nya sahaja!"

(Bersambong)

AHLI2 MAJLIS UGAMA BAHARU

D. Y. M. M. lantek 26 orang

Pengerusi: Kadhi Besar

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah melantek 26 orang menjadi ahli2 Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Negeri. Lantekan itu di-buat di-bawah Undang2 Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah Negeri.

Satu siaran mengumumkan penubuhan majlis itu Duli Yang Maha Mulia "dengan sukachita-nya juga melantek Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh, Kadhi Besar, Brunei menjadi Yang di-Pertua majlis tersebut."

Ahli2 majlis itu ia-lah: Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra, Pengiran Haji Abu Bakar, Pengiran Mohamed Yusof, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Orang Kaya Laksamana Haji Taha.

Orang Kaya Maharaja Diraja, Jawatan Dalam Haji Mohamed Noor, Raja Khatib Haji Sa'at, Tuan Imam Haji Hashim, Udana Khatib Awang Umar, Bendahari Awang Mohd. Taha, Haji Abu Bakar bin Jambul, Kadhi Abang Razali.

Mudim Haji Ismail, Khatib Matali (Al-Haji), Mudim Haji Adnan, Haji Mohamed Tahir, Inche Ishak (Kadhi Tutong), Haji Mahmood (Imam) Setia,

Perbendarian Diraja Hj. Ab Husin, Awang Abdul Salam dan Haji Othman.

2 pembunuh di-gantong

BANDAR BRUNEI — Dua orang Iban yang telah di-jatohkan hukum gantong kerana membunuh sa-orang pekedai China di-Pandaruan, Temburong dalam bulan February lepas akan di-gantong di-penjara Jerudong dalam minggu ini.

Mereka itu ia-lah Buntu anak Unyan dan Ngang atau Jamaban Sa-orang Iban lagi, Pilang anak Pagang yang telah juga di-dapati salah atas tuduhan membunuh itu telah di-ampunkan oleh Duli Yang Maha Mulia dan di-hukum penjara sa-umur hidup.

Mati di-sebabkan kemalangan — tiada siapa yang bersalah

SERIA. — Magistrate Brunei, Tuan R.G.P.N. Combe, telah memberi keputusan mati di-sebabkan kemalangan ka-atas Surat bin Hamid, sa-orang Indonesian yang bekerja dengan sharikat minyak B.S.P. di-sini.

Surat telah jatuh ka-dalam laut bersama dua orang lain dari sa-buah motoboat apabila ombak yang luar biasa besar-nya memukul motoboat itu pada 13 July, lepas.

Dua orang lagi itu, ia-itu sa-orang China dan sa-orang Indian telah di-selamatkan.

Pengiran Ahmad bin Pengiran Osman, serang motoboat itu telah memberi tahu mahkamah bahawa chuacha pada masa itu ada-lah sangat tidak baik dan ombak pun besar lebeh kurang 5 kaki tinggi-nya.

Tuan J.L. Moll berkata bahawa chuacha tidak baik itu telah berjalan lama tetapi ia sudah menaiki motoboat dalam keadaan yang begitu beberapa kali dahulu.

Beliau berkata lagi bahawa beliau telah ternampak tiga orang di-dalam ayer dan sa-buah pelampung telah di-champakkan kapada sa-orang yang di-bawah tambatan. Motoboat itu telah di-tolak oleh ombak ka-bawah tambatan itu.

Tuan Combe tatkala memberi keputusan bahawa Surat telah mati lemas di-dalam ayer sa-lepas satu ombak besar yang luar biasa telah memukul motoboat dan menchampakkan-nya ka-laut berkata bahawa tiada sa-orang pun yang bersalah.

Kunjongan penasihat banchi

BANDAR BRUNEI — Dr. U.S. Nair, penasihat banchi penduduk2 kapada Bangsa2 Bersatu bagi kawasan ECAFE telah sampai di-Brunei kerana melawat sa-lama tiga hari dengan kapal terbang dari Jesselton.

Dr. Nair sampai di-Brunei bersama Tuan L. W. Jones, Superintendent Banchi bagi Borneo Utara, Sarawak dan Brunei.

Kedatangan Dr. Nair itu ialah berkenaan dengan ranchangan banchi penduduk2 Negeri yang akan di-jalankan dalam tahun hadapan.

Urusan banchi penduduk2 negeri ini akan di-ketuai oleh Tuan Patrick McAfee, sa-orang pegawai kanan dalam perkhidmatan awam Brunei.

PENDUDOK2 KAMPONG DIRIKAN MESJID

TELISAI — Sa-buah mesjid telah di-bena Kampung Tumpuan dalam kawasan ini dengan usaha penduduk2 kampung dan derma daripada kaum Muslimin dari seluruh negeri.

Tiang asas mesjid itu telah di-dirikan oleh Tuan Haji Abu Bakar bin Jambul, sa-orang ketua di-kawasan ini.

Doa selamat telah di-bacha oleh Kadhi Tutong, Inche Ishak bin Adam, sa-baik sahaja tiang asas itu selamat di-dirikan.

Dalam pada itu jawatan kuasa mesjid itu meminta supaya senarai2 derma sama ada di-penohkan atau tidak di-kembalikan dengan segera.

Pemindahan Pejabat

BANDAR BRUNEI — Jabatan Penchen telah berpindah dari bangunan jabatan2 kerajaan di-Bandar Brunei ka-tingkat bawah bangunan Civic Centre di-Jalan Sultan mulai dari 10 October yang lalu.

Pada masa ini talipon belum lagi di-pasang di-pejabat tersebut dan orang2 yang ada perhubungan dengan pejabat itu diminta membuat perhubungan dengan surat atau pun berjumpa sendiri dengan pegawai2 jabatan tersebut.

PENGAPIT2

HAKIM

MAHKAMAH

SHARIAH

BANDAR BRUNEI — Undang2 Majlis Meshuarat Ugama, Adat Istiadat Negeri dan Mahkamah Kadhi mensharatkan bahawa perbicaraan atas sate-ngah2 kesalahan di-bawah undang2 itu hendak di-adakan dihadapan hakim dan pengait2-nya.

Untuk melaksanakan syarat itu Duli Yang Maha Mulia dalam meshuarat telah melantek orang2 yang di-namakan di-bawah itu menjadi pengait2 hakim:

Brunei: Pehin Khatib Haji Metali bin Metassim, Pehin Tuan Imam Haji Sa'ad bin Juru Apong, Haji Othman bin Haji Mohd Said, Awang Omar bin Awang Randah, Mudim Haji Adanan bin Dato Imam Haji Mokti, Pehin Khatib Mohsin dan Mudim Haji Ismail.

Kuala Belait: Orang Kaya Paduka Setia Diraja Haji Abang Bujang, Tuan Haji Mahmud dan Tuan Haji Malai Besar.

Tutong: Imam Abdul Khani Imam Ghani, Dato Setia Diraja Haji Yusof bin Bilal Tarip dan Imam Tahir bin Bakar.

Temburong: Imam Haji Abdul Rahim bin Akim dan Imam Haji Buntar bin Mohamed Tahir.

Jawatan2 hapus

BANDAR BRUNEI. — Jawatan2 Resident dan Penolong Resident Negeri Brunei telah di-hapuskan mengikut perubahan2 di-bawah perlembagaan.



Pasokan Bandar Brunei yang berjaya memenangi piala perak yang di-hadiahkan oleh Tuan Ong Kim Kee sa-telah mengalahkan Pasokan Seria dalam perlawanan akhir basketball Sa-Negeri Brunei bahagian perempuan di-Bandar Brunei baharu2 ini.

Kapten pasokan tersebut Lim Em Tee kelihatan di-barisan hadapan nombor tiga dari kiri. Berdiri di-kiri ia-lah jurulatih pasokan Tuan Lee Yu Kang.

"Jangan mudah terpengaruh merobohkan kebudayaan"

BANDAR BRUNEI. — Di-zaman temaddun ini orang semua berlumba2 mencari kemajuan guna faedah diri-nya sendiri, bangsa dan nosa yang di-kaschi-nya.

Masa2 yang terluang mereka gunakan dan penohkan dengan segala pekerjaan yang berguna. Mereka akan merasa rugi kalau kira-nya masa yang berharga itu mereka buang dengan sia2 sahaja.

Kesedaran ini ada-lah timbul-nya dari kemahuan memikul tanggung jawab untuk mem-baiki negara yang telah jauh tertinggal bila di-bandingkan dengan negara2 lain.

Dalam chita2 ingin maju dalam sa-suatu perkara, perlu sa-kali di-usahakan dengan bersung-goh2 hati, dan sa-belum ushaha itu di-jalankan ada baik-nya tiap2 usaha itu di-fikirkan dengan sa-halus2nya agar tidak menjadi sesalan di-belakang hari kelak.

Masyarakat kita hari ini telah berlumba2 chuba untuk mem-baiki keadaan masyarakat, men-chari berbagai2 perubahan, teru-tama bagi pemuda yang suka men-chari perubahan.

Sungguh pun demikian mereka selalu lupa dan tidak menyedari dalam memperbaiki mereka selalu mudah terpengaruh dengan satu perubahan. Mereka suka men-chari berbagai2 perubahan, teru-tama bagi pemuda yang suka men-chari perubahan.

Sungguh pun demikian mereka selalu lupa dan tidak menyedari dalam memperbaiki mereka se-lalu mudah terpengaruh dengan satu perubahan. Mereka suka men-chapor aduk dan meroboh kebudayaan bangsa kita teru-tama-nya dalam perubahan pakai-an dan pergaulan sosial.

Dalam segi lain pula di-waktu yang akhir2 ini mereka lekas mu-dah terpengaruh, suka mem-busungkan dada bila telah mumpu-nyai sedikit kelebihan dan lupa akan masa dia dudok di-tangga bawah dahulu.

Kelebihan yang di-dapati itu sa-patut-nya di-gunakan untuk mem-baiki masyarakat yang telah tertindas tidak kerana meminta sanjongan daripada pehak yang lain yang maseh dudok di-tangga bawah.

Semenjak 70 tahun yang lam-pau bangsa kita di-abui dengan

Kunjongan ketua pemuda

BANDAR BRUNEI —Pengi-ran Mohamed Yusof, Yang di-Pertua Majlis Pemuda Pemudi Brunei telah terbang ka-Jepun pada awal bulan ini kerana tama bagi pemuda yang suka menghadhiri seminar pemuda pemudi di-negeri itu.

Beliau di-jangka balek ka-Brunei pada hujung bulan ini.

pengkat2 kosong, diberi kuasa antara ada dengan tidak antara berkuasa dengan tidak.

Dalam perjalanan menuju ka-

berpehak2 itu hendak-lah di-arah kemajuan ini semangat singkirkan. Demikian perbuatan merendah2 kan di-antar satu pe-hak dengan pehak yang lain itu hendak-lah juga di-singkirkan.

Pemimpin2 kita jangan-lah hendak-nya terpengaruh oleh ketinggian derjat dan pangkat.— (M. Samsinah)

Anak sama hidup, adat jangan mati di-zaman kemajuan ini

BANDAR BRUNEI, Sa-bagaimana yang di-ketahui, orang2 Melayu memang mempunyai kepercayaan dan 'adat istiadat yang tersendiri yang telah di-pusakai dari nenek moyang-nya yang maseh di-pegang kokoh hingga-lah ka-abad kemajuan ini.

Kebanyakan daripada adat dan kepercayaan itu di-tiru dari orang2 Hindu kerana orang2 Hindu-lah yang mula2 sa-kali mempe-ngaruhi jiwa orang2 Melayu pada masa dahulu.

Oleh sebab kepercayaan itu telah sa-bati ta'hairan-lah jika kita dapati maseh banyak keper-chayaan yang karut2 itu terda-pat dalam masyarakat hari ini.

Orang2 kita juga terpengaruh dengan keramat, sa-hinggakan jika mereka berkehendakkan sa-suatu-nya itu mereka suka berna-zar kepada keramat konon-nya hajat2 mereka akan termakbul.

Mereka lupa segala burok dan baik yang ada pada kita ada-lah pemberian yang Asa.

Kepercayaan2 pada adat2 ta-war jampi agak berkurangan, bo-leh di-katakan ta'ada langsung di-bandar2 tetapi terlalu bermaharaja lela di-kampung2.

Mereka itu lebeh memperchayai bomo daripada tabib2 yang menerima tauliah. Mereka memandang bomo2 itu ada-lah insan yang boleh menyemboh segala penyakit pada hal penyakit2 itu bersebab dari puncha kechuaian rawatan mereka.

Kepercayaan termasuk lam-

bang budaya,

Di-pegang tegoh oleh manusia,

Yang bodoh karut jangan

di-perchaya,

Sa-boleh boleh-nya buangkan dia.

Sa-lain daripada kepercayaan, orang2 kita ada juga mempusa-kai adat yang ta'lapok dek hu-jang dan ta'lekan dek panas. se-perti adat bersanding, menghantar tanda, makan sireh, adat ni-kah kawin yang kita dapati di-majlis2 khenduri yang besar2.

Adat istiadat itu di-pegang ko-koh oleh orang tua2 kita, teru-tama-nya orang2 tua2 yang tinggal di-kampung2 dan berfaham tua pula.

Untuk mengokohkan pegan-gan mereka lahir-lah peri baha-sa tua yang mengatakan, "Biar mati anak jangan mati adat".

Dalam zaman kemajuan ini kita ta'payah berfahaman dengan yang usang itu. Kita mahukan "Anak sama hidup, adat jangan mati". — MALA MAS.

SATRIA PERLU MAJUKAN WANITA

BANDAR BRUNEI —

Tidak penat dan tidak bo-san saya berseru kepada kaum satria memajukan kaum wanita-nya dalam se-gala lapangan yang harus kaum wanita di-beri pe-luang.

Ini ia-lah supaya mereka tidak ketinggalan di-dalam golongan kolot lagi.

Wanita kita hendak-nya jangan lagi di-pendamkan di-cherok dapur dan wani-ta lain di-beri peluang memegang jawatan istimewa. Ini menjatuhkan meruah dan taraf hidup wanita kita.

Wanita yang bersifat le-mah lembut itu sudah memang 'layak menjadi seri rumah tangga tetapi zaman telah berubah menjadi za-man kemajuan bukan lagi zaman datok nenek kita.

Jika wanita bangsa lain boleh di-majukan dan di-sokong ka-hadapan menga-pa tidak kaum wanita Me-layu. (Halimah Hussin).

Lawatan Polis Diraja

SERIA — Sarombongan 15 orang dari pasukan Polis Diraja Persekutuan Tanah Melayu yang baharu sahaja sampai di-sini kerana menggantikan pasukan yang telah balek ka-Malaya telah melawat ka-padang minyak dalam minggu lepas.

Antar tempat2 yang mereka kunjongi ia-lah workshop dan gas plant.

KAUM IBU PERLU DI-LATEH KERANA KEMAJUAN NEGARA DAN KETINGGIAN TARAF

BANDAR BRUNEI—Kerana kemajuan negara kaum ibu hendak-lah di-lateh di-segala lapang-an supaya mereka itu dapat men-chapai kedudukan yang tinggi di-dalam penghidupan.

Latehan itu hendak-lah teru-tama-nya di-tujukan kepada wanita2 yang mendudoki kam-pung2 kerana di-bandar kaum wanita ada-lah terlebeh maju.

Umum-nya kaum ibu menger-ti akan tanggung jawab mereka terhadap bangsa dan tanah ayer. Mereka sering membincangkan negeri dan juga kedudukan me-reka sendiri.

Ada-lah nyata dari keinginan kaum wanita itu bahawa me-reka bersedia berkhidmat bagi ke-pentingan kaum ibu.

Di-Negeri Brunei ini belum sama sendiri soal kebodohan dan kemundoran mereka yang di-sifatkan satu tanda keruntuhan ada lagi pertubohan atau seko-lah2 didekan bagi kaum wanita. Jika ada pun di-dapati di-ban-dar2 sahaja.

Pertubohan2 itu memerlukan perbelanjaan yang besar. Ini ada-lah berlawanan dengan ke-adaan satengah2 keluarga di-kampung yang boleh di-katakan hidup dalam miskin dan men-derita.

Di-kampung2 tidak di-dapati tempat2 khas bagi mendidek kaum ibu pada hal ibu2 di-kampung memerlukan pendide-kan dan latehan. Ini-lah sebab-

nya kaum ibu di-kampung itu jauh ketinggalan apabila di-ban-dingkan dengan kaum2 ibu di-bandar.

Kaum ibu di-kampung juga kekurangan pengetahuan untuk berkhidmat di-luar rumah, le-beh2 lagi kaum ibu di-kampung2 yang terpenchil, mereka tidak bergerak langsung mengikuti ali-ran zaman.

Kita tidak harus berkata ba-hawa kaum ibu di-kampung2 ti-dak mempunyai bakat dan ke-inginan hendak maju.

Kaum ibu yang sedar akan tanggung mereka telah pun me-lepaskan anak2 mereka keluar ka-sekolah2 di-bandar untuk mendapatkan pelajaran dalam se-gala lapangan. (A.A.A.)

SHERWOOD FORESTERS MENANG SEMUA PERMAINAN

BANDAR BRUNEI. — Pasokan bola sepak Tentera Darat British Sherwood Foresters telah berjaya memenangi semua perlawanan bola sepak dengan pasukan2 Brunei dan Belait dalam lawatan-nya ka-Negeri Brunei dari Malaya baharu2 ini.

Pasokan tersebut telah melawat ka-Brunei atas jemputan sharikat minyak Brunei Shell.

Dalam tiga perlawanan yang telah di-langsungkan di-Belait telah Bandar Brunei pasukan itu telah mendapat 12 gol, manakala pasukan2 tempatan hanya telah berjaya memperolehi 2 gol sahaja.

Dalam perlawanan yang pertama dengan Pasokan Daerah Belait pada 9 October, pasukan

kan Pasokan Daerah Belait di-Padang Kuala Belait dengan 6 gol tidak berbalas.

Perlawanan-nya yang penghabisan dengan pasukan tempatan telah di-langsungkan di-Padang Pekan Brunei. Dalam perlawanan itu para pelawat tersebut telah dapat mengalahkan Pasokan Bandar Brunei dengan dua gol tidak berbalas.

Para pelawat tersebut telah menunjukkan permainan-nya dengan baik dalam ketiga2 perlawanan.

Sherwood Foresters telah mengalahkan Daerah Belait 4 gol berbalas 2. Perlawanan itu telah di-langsungkan di-Padang Shell Recreation Club, Seria.

Pada 10 October pula, Sherwood Foresters telah mengalahkan



Job Lim, Kapten Pasokan Basketball Daerah Brunei kelihatan dengan gembira di-usong oleh ahli2 pasukan-nya sambil memegang piala perak Kapitan China Derma Raja sa-sudah pasukan tersebut mengalahkan Pasokan Basketball Daerah Seria dalam perlawanan akhir basketball seluruh Negeri Brunei di-Bandar Brunei baharu2 ini. Gambar Universal Photo Studio.

PASOKAN2 BASKETBALL DAERAH BRUNEI JADI JOHAN NEGERI

BANDAR BRUNEI — Pasokan Basketball bahagian laki2 dan perempuan Daerah Brunei telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan akhir basketball antara daerah2 sa-Negeri Brunei.

Perlawanan2 tersebut telah di-langsungkan di-kawasan sukan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah China, Brunei baharu2 ini sa-bagai satu daripada, acara2 sambutan Hari Keputeraan Duli

Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-bawah anjoran Persatuan Murid Tua Sekolah China Chung Hua.

Dalam perlawanan akhir bahagian laki2, Pasokan Daerah Brunei telah mengalahkan Pasokan Daerah Seria dengan 71 mata berbalas 36 mata dan berjaya mendapat Piala Perak Kapitan China Derma Raja.

Pasokan Daerah Brunei bahagian perempuan telah mengalahkan Pasokan Daerah Seria dengan 30 berbalas 15 mata dalam perlawanan akhir tersebut dan berjaya mendapat hadiah Piala Perak Ong Kim Kee.

Puan Ong Kim Kee telah menyampaikan hadiah2 kepada pasukan2 yang berjaya dalam perlawanan tersebut di-kawasan sukan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah China, Brunei telah selesai di-langsungkan perlawanan akhir basketball itu.

Brunei ta' mungkin hantar pasukan

SERIA. — Pasokan Bola Sepak Negeri Brunei mungkin tidak akan berangkat ka-Borneo Utara untuk mengadakan perlawanan2 bola sepak dengan pasukan2 di-Jesselton dan di-Sandakan.

Terlebih dahulu pasukan tempatan di-jangka mengadakan perlawanan bola sepak dengan Jesselton pada 24 October dan dengan Sandakan pada 25 October.

Akan tetapi, oleh kerana sa-suatu sebab yang tidak dapat di-elakkan, pasukan Jesselton tidak-lah akan dapat mengadakan perlawanan dengan pasukan Brunei pada hari tersebut.

Menurut satu puncha yang boleh di-perchayai, pasukan Sandakan telah sanggup melawan pasukan Brunei di-Sandakan pada 25 October.

Oleh kerana Jesselton tidak dapat melawan Brunei, Persatuan Bola Sepak Sa-Negeri Brunei mungkin tidak akan menghantar pasukan tempatan ka-Borneo Utara untuk hanya bermain dengan satu pasukan sahaja.

Penjaga baris keluar padang

BANDAR BRUNEI. — Pada masa di-langsungkan perlawanan antara pasukan Sherwood Foresters itu dengan Pasokan Bandar Brunei, Abdul Razak, sa-orang penjaga baris ("Linesman") telah keluar dari padang, kerana katanya pengadil perlawanan tersebut Tuan Forrer tidak mengikut isyarat-nya yang pemain dari satu pasukan telah membuat kesalahan menendang bola.

Pistiwa tersebut berlaku setelah selesai permainan separuh masa yang kedua, Awangku Umar bin Pengiran Apong telah menggantikan tempat Abdul Razak itu.

Pengakap laut berkhemah

JERUDONG — Sa-rombongan 24 orang pengakap laut telah pergi ka-pasir di-sini kerana mengadakan perkhemahan pada hari Sabtu lepas.

Rombongan itu di-ketuai oleh Inche Yusof Hamid dan Inche Salleh Ibrahim.

Di-antara mereka itu, 18 orang telah datang dengan menunggang basikal manakala yang 6 orang lagi itu datang menaiki motokar.

Pejabat Buroh bersedia membantu

BANDAR BRUNEI — Orang yang menganggor di-Negeri Brunei ini ada-lah di-nasihakan berjumpa dengan pegawai2 Pejabat Buroh yang di-tugaskan menchari kerja2 kosong di-negeri ini.

Penganggor2 tidak di-kehendaki berjumpa terus dengan Menteri Besar atau Setia Usaha Kerajaan kerana hendak mendapatkan kerja.

Satu siaran kerajaan berkata: "Barang siapa yang hendak meminta sa-barang pekerjaan dalam mana2 pejabat kerajaan, ada-lah di-nasihatkan supaya mereka tidak-lah payah pergi berjumpa terus dengan Menteri Besar atau pun dengan Setia Usaha Kerajaan.

"Sa-balek-nya mereka ada-lah di-nasihatkan supaya membuat permohonan atau pun datang ka-Pejabat Buroh yang akan menguruskan permohonan mereka kepada lain2 Pejabat Kerajaan atau pun sharikat2 perniagaan dalam Negeri Brunei".

Setiausaha

BANDAR BRUNEI. — Dato Paduka Abas bin Haji Ibrahim telah di-lantek menjadi pemangku Setia Usaha Sulit kepada D.Y.M.M. Sultan Brunei mulai 29 September, 1959.

Lawatan ketua pejabat penerangan

BANDAR BRUNEI — Tuan James A. Elliot, Pengarah Jabatan Penerangan Kerajaan Amerika Shariakat di-Singapura adalah di-jadualkan sampai di-Brunei pada 2 November hadapan dari Jesselton, Borneo Utara.

Sa-lama berada di-sini beliau akan menemui orang2 yang berkenaan dengan sukan, ke-

budayaan, musik, pelajaran radio dan kewartawanan.

Tuan Elliot akan berada di-Seria dari 3 hingga 4 November kerana menemui pegawai2 sharikat minyak B.S.P. yang berkenaan dengan perkara2 tersebut.

Beliau akan berlepas dari Brunei ka-Sarawak pada 5 November dalam perjalanan balek ka-Singapura.

Keluarga2 luar bandar akan mendapat tanah

KEMENTERIAN BAHARU UNTUK MENYATUKAN PERGERAKAN

KUALA LUMPUR. — Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tun Abdul Razak bin Hussein berkata di-sini baharu2 ini bahawa beribu2 keluarga di-luar bandar akan di-beri tanah oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar yang baharu ditubuhkan itu.

Tun Abdul Razak yang menerangkan kerja2 kementerian baharu ini berkata bahawa keluarga2 lain akan juga di-galakkan membuka tanah baharu dan kemajuan kawasan luar bandar akan di-beri keutamaan oleh kerajaan dalam masa 5 tahun yang akan datang.

Tuan Razak mensifatkan kementerian baharu itu sa-bagai satu pertubuhan penting untuk menyatukan pergerakan.

Beliau berkata, "Kita mahu ra'ayat tinggal didaerah luar bandar dan kita mahu kehidupan mereka menguntungkan, tetapi jika kita mahu kejayaan yang sapenoh-nya, kita mesti bergerak sama di-semua peringkat.

Tun Razak berkata lagi bahawa pertanian ada-lah menjadi soal yang pertama dalam negeri hari ini dan dengan bertambah baik-nya kedudukan dharurat menentang komunis, kerajaan mahu ra'ayat balek ka-daerah2 luar bandar yang telah mereka tinggalkan itu.

Kementerian baharu itu akan juga menguruskan kemajuan kaum dan kampung, pelajaran orang2 dewasa, lembaga kemajuan perusahaan luar bandar, surohan jaya tanah dan lombong jabatan sukat dan jabatan mer-gastua.

Sidang Colombo

JAKARTA — Presiden Sukarno dengan rasmi-nya akan membuka persidangan menteri2 negeri2 Ranchangan Colombo di-Jogjakarta, Jawa Tengah pada 11 November akan datang ini.

Persidangan itu akan tamat pada 14 November dan semua ahli2 dai 21 buah negeri di-bawah Ranchangan Colombo itu telah bersetuju menghantar wakil2 ka-Jogjakarta.

KEDUDOKAN EKONOMI MALAYA MENGGALAKKAN PENANAMAN MODAL LUAR

KUALA LUMPUR — Duta Amerika Sharikat Tuan Homer M. Byington Junior telah berkata di-sini baharu2 ini bahawa kedudukan ekonomi Malaya yang baik itu akan menggalakkan penanaman modal luar di-Malaya.

Dalam satu kenyataan Tuan Byington berkata bahawa kedudukan baik politik Malaya,


Singapura utamakan kepentingan kampung2

SINGAPURA—Menteri Pembangunan Negara Singapura, Tuan Ong Eng Guan telah menyatakan baharu2 ini bahawa satu jawatan kuasa untuk meningkatkan taraf kehidupan penduduk2 kampung telah ditubuhkan.

Tuan Ong berkata bahawa penduduk2 kampung kebanyakan-nya terdiri dari orang Melayu. Mereka itu kekurangan kemudahan yang mustahak seperti paip ayer, jalan raya, parit, lampu talipon, elektrik dan perlindungan bas.

Beliau berkata bahawa ada-lah mustahil dapat di-beri dengan segera semua kemudahan yang mustahak itu kepada semua kampung2 yang terbiar itu kerana kerajaan kekurangan wang dan kakitangan yang cekap untuk bekerja kerana ra'ayat Singapura.

Tuan Ong berkata lagi bahawa jawatan kuasa itu akan selalu bermeshuarat untuk menimbangkan permintaan2 dari beberapa buah kampung berkenaan kemajuan mereka.



mata wang yang tetap, kedudukan perniagaan yang baik, perkhidmatan awam yang cekap dan ketenteraman negeri ada-lah unsur2 yang baik yang telah di-laporkan-nya kepada Jabatan Negara Amerika Sharikat.

Tuan Byington berharap agar pertalian ekonomi Malaya dengan Amerika Sharikat akan

SHARAT2 BAHARU KERANA MENGGUNAKAN PANGKALAN

MANILA. — Kerajaan Amerika Sharikat telah bersetuju dengan permintaan Kerajaan Filipina supaya jangan menggunakan pangkalan2 tentera dan membena pangkalan2 peluru berpandu jarak jauh di-Filipina melainkan sa-sudah berunding terlebih dahulu dengan Kerajaan Filipina.

Ini telah di-umumkan sa-chara rasmi oleh Kementerian Luar Filipina yang menyatakan bahawa Amerika Sharikat juga telah bersetuju mengurangkan masa perjanjian pangkalan tentera yang di-tanda tangani dalam tahun 1947 di-antara kedua buah negeri itu dari 99 tahun kepada 25 tahun dengan satu syarat untuk membaharui-nya sa-telah tamat 25 tahun dengan persetujuan bersama oleh kedua2 kerajaan tersebut.

Setia Usaha Luar Filipina,

Tuan Felix Serrano dan Duta Amerika Sharikat, Tuan Charles Bohlen telah menanda tangani surat perjanjian itu baharu2 ini.

Dalam surat perjanjian itu, Kerajaan Amerika Sharikat telah menegaskan lagi dasar-nya bahawa satu serangan ka-atas Filipina ada-lah di-sifatkan sa-bagai satu serangan ka-atas Amerika Sharikat.

Soal2 berkenaan dengan kekuasaan undang2 dan pertadbiran pangkalan2 tentera itu telah di-tanggohkan untuk perundingan yang lebih lanjut.

BRITISH DI-TUDOH MENCHABUL ANGKASA KAWASAN YAMAN

KAHIRAH — Sa-orang menteri Yaman telah menuduh tentera2 British di-Aden melancarkan satu serangan baharu terhadap kampung2 yang memandang ka-Beda ia-itu sa-buah bandar raya sempadan.

Hassan Ibni Ali Ibrahim yang mewakili Imam Yaman di-ibu pejabat Persatuan Arab di-Kahirah telah berkata bahawa kampung2 itu telah di-tembak dengan peluru shell sa-lama empat hari berturut2.

Kata-nya sa-buah kapal terbang British juga telah terbang di-angkasa bandar raya Bada pada 4 October dan kapal terbang2 British yang lain juga telah terbang beberapa kali di-angkasa Taiz, kepala negeri Yaman.

Menteri itu menda'wa bahawa perbuatan Britain itu ia-lah dengan tujuan hendak menukarkan pandangan dari pekerjaan-

nya mendesak Lehej dan Selatan Yaman untuk memasuki Persekutuan-nya.

Di-London sa-orang juruchepak Jabatan Perang telah berkata bahawa tiada berita yang sa-macam itu di-terima baharu2 ini di-London. Tetapi kata-nya perkara tembak menembak memang sentiasa berlaku di-antara tentera2 yang berpehak kepada Britain dengan puak2 Arab yang berselisihan.

Tarikh akhir mengirim surat2 Xmas dari Brunei ka-luar Negeri

BANDAR BRUNEI — Tarikh yang akhir sa-kali untuk mengirim surat2 dan bungkusan Christmas melalui pos udara dan laut dari Bandar Brunei, Kuala Belait dan Seria ada-lah seperti berikut :

Australia (bahagian timor termasuk Tasmania) melalui laut: surat card dan bungkusan 14 November, udara: surat dan card 10 December.

Borneo Utara dan Sarawak melalui laut: surat, card dan bungkusan 12 December, udara: surat dan card 19 December.

United Kingdom melalui laut: dan card 31 October, bungkusan 24 October, melalui udara surat dan card 11 December.

Malaya melalui laut: surat dan card 5 December, bungkusan 28 November, udara: surat card dan bungkusan 18 December.

Singapura melalui laut: surat dan card 12 December, bungkusan 5 December, udara surat, card dan bungkusan 19 December.

terus bertambah kuat dan memberi faedah bersama kepada kedua buah negeri itu,

Tuan Byington berkata bahawa ia-nya telah menerangkan pada masa menanda tangani perjanjian akuan menanam modal dalam bulan April bahawa penanaman modal bersendirian dari luar negeri telah memajukan Amerika Sharikat lebih deras dari penanaman modal negeri sendiri.